

16/06/1999

Bersama mengukuhkan perjuangan Umno

Lichong Angkui

PERIBAHASA itu bermaksud setiap orang ada kekuatan, kelebihan dan pengetahuan tersendiri. Makna peribahasa mengikut tafsiran buku Tikaman Bahasa terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 1992 itu perlu disesuaikan dalam perjuangan Umno, terutama ketika menghadapi cabaran alaf baru nanti.

Disebabkan perhimpunan kali ini adalah yang terakhir buat Umno pada abad ini, maka sewajarnya cabaran dan pengalaman dihadapi sepanjang 53 tahun dijadikan azimat dalam mengatur langkah ke depan.

Seperti burung yang kekuatannya pada sayap dan ketam pada sepitnya, tunjang kekuatan Umno pula sebenarnya terletak pada kesepaduan muafakat umat Melayu sebagai pendukung terbesar perjuangannya.

Diasaskan pada 11 Mei 1946 di Istana Besar, Johor Bahru, Umno yang akronimnya berasal daripada bahasa Inggeris United Malays National Organisation baru merayakan sambutan ulang tahun ke-53 pada 11 Mei lalu. Dalam usia sedemikian, Umno sudah boleh dianggap cukup matang dan dewasa sebagai institusi politik terbesar dan paling unggul.

Ini kerana sepanjang perjuangannya, Umno umpama beting yang sering dilanggar ombak - banir politiknya tetap utuh dan jitu sekali pun menghadapi pelbagai keadaan, pancaroba dan kemelut.

Keupayaan Umno bertahan selama 53 tahun adalah manifestasi jelas betapa sistem yang diperjuangkannya selama ini diterima majoriti rakyat Malaysia. Kalau diimbaz sejarah kemerdekaan negara, sebenarnya ada beberapa parti lain turut ditubuhkan oleh orang Melayu seperti Umno selepas Perang Dunia Kedua tetapi semuanya tidak dapat menandingi Umno, lantas ia terus tenggelam bersama lipatan sejarah. Antaranya Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) - yang ditubuhkan daripada cetusan kemarahan dan semangat pemberontakan terhadap penjajahan. Disebabkan ia tercetus daripada jangkitan oleh kebangkitan pemberontakan di Indonesia menentang penjajah Belanda ketika itu, maka parti-parti berkenaan hilang begitu saja.

Kejayaan Umno bertahan disebabkan beberapa faktor, antaranya kerana ia mengamalkan kesederhanaan, keadilan dan toleransi. Juga ia berpaksi kepada amalan demokrasi tulen, tidak perkauman sifatnya serta tidak membelakangkan kaum Bumiputera dan bukan Melayu sekali pun pendukung perjuangan adalah orang Melayu.

Sejak zaman Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putera, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan kini Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semua mereka mengemudi perjuangan Umno secara bijaksana dan terarah. Hasil kepemimpinan pragmatik Umno inilah membolehkan Malaysia berkembang daripada sebuah negara kerdil dan mundur lebih 50 tahun lalu, kepada sebuah negara membangun yang disegani dunia.

Selain itu, kekuatan Umno juga terhasil berikutan kesanggupannya bekerjasama dan berkongsi kuasa dengan kaum lain bersandarkan semangat Barisan Nasional (BN). Kalau di Semenanjung, perkongsian orang Melayu bermaksud dengan orang India dan Cina selain beberapa kaum minoriti, di Sabah pula ia merangkumi kaum Bumiputera seperti Kadazandusun/Murut, Bajau, Bisaya dan Brunei, manakala di Sarawak pula dengan orang Iban, Melanau, Dayak, Bidayuh dan Kelabit.

Justeru, menjadi tanggungjawab setiap warga Umno mempertahankan kekuatan yang dimiliki hari ini, sebagai bekalan pada alaf baru nanti. Memang sejak kebelakangan ini, cetusan pelbagai isu melingkari Umno sedikit sebanyak

menguji kesetiaan setiap ahli.

Bermula dengan isu penyingkiran dan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan parti pada September 1998 yang membawa kepada kewujudan gerakan reformasi dan penubuhan parti baru Parti Keadilan Nasional (KeADILan) untuk menentang Umno dan BN. Kemudian kedengaran pula laungan slogan Malaysian Malaysia oleh parti pembangkang, khususnya DAP.

Penentangan pemimpin Umno terhadap slogan itu membuktikan semangat asal penubuhan Umno - menentang Malayan Union (iaitu gagasan pemerintahan tajaan British yang cuba menghapuskan ketuanan orang Melayu dan Bumiputera) - tidak pernah luntur, malah terus kuat dan menebal.

Tentunya, tindakan itu bukan atas dorongan sentimen politik semata-mata tetapi nama aspirasi perjuangan mempertahankan hak dan ketuanan masyarakat Melayu supaya mereka tidak menerima nasib seperti kaum pribumi di Australia atau penduduk kulit hitam di bawah rejim apartheid Afrika Selatan.

DAP yang melaungkan teriakan dan laungan Malaysian Malaysia sebenarnya mewarisi apa yang cuba ditonjolkan oleh People's Action Party (PAP) pimpinan Lee Kuan Yew dari Singapura pada 1969, ketika ia masih dalam Malaysia - dengan suatu pendekatan memberi hak sama rata antara orang Melayu dengan bukan Melayu. Jika ini dilakukan, bermakna ia menyanggah hak orang Melayu dan Bumiputera di Malaysia, umpamanya seperti yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Sementara krisis dalaman Umno pula, penyingkiran Anwar tidak menggugat keutuhan parti secara keseluruhan. Berbanding isu ketika pemilihan pada 1987 apabila wujud Team A dan B - dengan pelbagai tohmahan didedahkan melampaui batas susila dan budaya orang Melayu, kemudian menyebabkan Umno diheret ke mahkamah, krisis kali ini sebenarnya lebih menjerus kepada personaliti individu semata-mata. Suara-suara sinis yang kedengaran mempertikaikan kewibawaan pimpinan parti akhir-akhir ini, sebenarnya cetusan daripada perasaan simpati segelintir rakyat terhadap hero mereka.

Natijah daripada pengalaman yang dilalui, harus dijadikan kekuatan untuk menjadikan Umno terus kekal sebagai wadah perjuangan yang sesuai bagi bangsa Melayu. Umno banyak berjasa kepada bangsa dan negara, justeru setiap mereka yang pernah bernaung di bawah panji perjuangannya jangan seperti kacang lupukan kulit.

Sesungguhnya, sempena perhimpunan kali ini, menjadi kewajipan setiap ahli Umno untuk sama-sama menjaga parti. Jika ada kemusykilan, ia harus disalurkan menerusi mekanisme yang ada - bukan dengan mengheret pihak luar campur tangan kerana ia tidak menyelesaikan masalah, sebaliknya menjadikan keadaan lebih rumit.

Pemimpin tertinggi parti, termasuk Dr Mahathir sendiri, sering memperingatkan ahli mengenai wujudnya percubaan melakukan penjajahan bentuk baru oleh anasir luar yang memperalatkan konco-konco dalam negara ini. Sejarah ketika negara dijajah oleh British dahulu akan berulang jika Umno berpecah. Mengikut catatan sejarah, ia bermula apabila pembesar orang Melayu di Kedah dan di Perak berbalah sesama sendiri dan seorang daripada mereka meminta bantuan kuasa asing.

Jadi dengan senario sedemikian, seharusnya setiap ahli perlu waspada terhadap tindakan bekas ahli Umno yang kini berjuang menentang Umno dengan mendapatkan simpati daripada pemimpin negara luar serta masyarakat antarabangsa.

Secara perbandingan, parti-parti pembangkang seperti DAP, Pas mahu pun yang KeADILan yang cuba mewujudkan satu benteng menentang BN, tiada tandingan dengan keutuhan tunjang Umno. Pas tidak mungkin mampu merubah keadaan. Bagi Umno, sejak awal lagi ia tidak berganjak daripada perjuangannya, berbanding Pas yang sehingga hari ini masih cuba menggunakan pendekatan agresif, fanatik dan tidak berasaskan gerakan

nasionalisme.

Hakikatnya, kekuatan Umno terletak pada kekuatan umat Melayu dan rakyat umumnya. Justeru, perhimpunan kali ini harus dijadikan landasan memperkukuh perjuangan. Disebabkan nasib dan masa depan umat Melayu dan Bumiputera bergantung kepada Umno, maka ia perlu dipastikan tidak tergelincir daripada perjuangan asal. Obor perjuangannya perlu disemarakkan agar Umno terus dominan.

Untuk itu, setiap ahli Umno perlu sentiasa waspada, berhemat dan tidak leka dibuai igauan siang, agar segala apa yang diperjuangkan Umno selama 53 tahun tidak hangus menjadi abu begitu saja.

(END)